

# Program

## Pembangunan Peladang

Program Pembangunan Peladang bermatlamat menjadikan aktiviti pertanian sebagai suatu perniagaan. Melalui program ini, peserta dan ahli PP akan dibentuk untuk menjadi seorang usahawan peladang yang mampu menguruskan aktiviti mereka dengan cekap dan berdaya saing. Impak program ini adalah kepada peningkatan pendapatan setiap peserta dan jumlah pengeluaran bahan makanan. Program ini disokong oleh tiga (3) subprogram iaitu Program Pembangunan Usahawan Peladang (PUP), Program Pembangunan Manusia Asas Komoditi (PMAK) dan Program Pembangunan Unit Peladang.

### Program Pembangunan Usahawan Peladang (PUP)

Program PUP ini diwujudkan bagi melahirkan usahawan peladang moden yang mampu menguruskan aktiviti pertanian mereka dengan cekap selaras dengan slogan "Pertanian Adalah Perniagaan". Melalui program ini, LPP telah berjaya melahirkan usahawan peladang yang berpengetahuan, berkemahiran dan berinovatif serta mampu bersaing. LPP membelanjakan RM3.3 juta pada tahun 2010 untuk

pelbagai projek pertanian melibatkan 218 orang usahawan peladang.

Sepanjang RMKe-9 (2006-2010), sejumlah 1,461 usahawan peladang di bawah program PUP telah dibangunkan. Jumlah terkumpul usahawan peladang yang dibangunkan sejak RMKe-6 ialah 2,774 orang dan terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan perkhidmatan. Jumlah pengeluaran pelbagai produk yang dihasilkan oleh kumpulan usahawan peladang ini adalah sebanyak 70,250 mt dengan nilai RM350.50 juta. Bilangan usahawan peladang sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 19**.

Sementara itu, PPK juga bergiat aktif melahirkan sejumlah usahawan peladang dengan bantuan PPK. Bilangan usahawan peladang di kalangan ahli-ahli PPK sehingga tahun 2010 berjumlah 9,636 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan usahawan peladang yang diwujudkan oleh LPP dan PPK adalah 12,410 orang berbanding sasaran 10,000 orang yang ditetapkan oleh MOA bagi LPP. Sila rujuk **Jadual 20**.

**Jadual 19 :** Bilangan Usahawan Program PUP sehingga 31 Disember 2010

BIL	SEKTOR	BILANGAN USAHAWAN (Org)				
		RMK6	RMK7	RMK8	RMK9	JUMLAH
1.	Tanaman	143	101	97	281	622
2.	Ternakan	188	146	91	781	1,206
3.	Akuakultur	63	33	56	146	298
4.	Pemprosesan	70	45	55	212	382
5.	Perkhidmatan	113	45	67	41	266
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>577</b>	<b>370</b>	<b>366</b>	<b>1,461</b>	<b>2,774</b>

**Jadual 20 :** Bilangan Terkumpul Usahawan Peladang sehingga Tahun 2010

Bil	Perkara	Jumlah (Org)
1	Usahawan PPK	9,636
2	Usahawan PUP	2,774
<b>Jumlah</b>		<b>12,410</b>

### Program Pembangunan Manusia Asas Komoditi (PMAK)

Program Pembangunan Manusia Asas Komoditi diilhamkan daripada Projek Manusia Berasaskan Kampung (PMAK) yang dilaksanakan sejak RMKe-6 (1991-1995) dan disambung dalam RMKe-7 (1996-2000). Projek ini diteruskan di bawah RMKe-8 (2001-2005) dan RMKe-9 dengan konsep baru dikenali sebagai Projek Pembangunan Manusia Berasaskan Komoditi (PMAK) selaras dengan hasrat Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk tujuan meningkatkan pengeluaran bahan makanan asas.

Dalam RMKe-9, sejumlah 200 buah unit peladang atau 40 unit setahun akan diaktifkan melalui projek-projek ekonomi berasaskan komoditi dengan melibatkan 10,000 orang ahli peladang. Program ini juga merupakan satu program untuk membasmi kemiskinan relatif di kalangan peladang dan menyusun semula masyarakat peladang dengan

meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan keluarganya. Pendapatan bulanan peserta-peserta PMAK akan ditingkatkan dari RM530 kepada RM820 sebulan bagi Semenanjung, dari RM660 kepada RM950 bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan dari RM570 kepada RM860 bagi Sarawak.

Dalam tahun 2010, Program PMAK tidak mendapat sebarang peruntukan bagi melaksanakan projek-projek baru. Walau bagaimanapun kerja-kerja pemantauan dilakukan ke atas projek-projek sedia ada bagi memastikan projek terus aktif dan prestasi setiap projek direkodkan dari segi hasil keluaran serta impak yang dinikmati oleh peserta-peserta projek.

### Program Pembangunan Unit Peladang (FDU)

Program Pembangunan Unit Peladang (FDU) bermatlamat untuk memperkasakan peladang-peladang di kalangan Kumpulan Pengeluar (KP), Kumpulan Peladang Muda (KPM), Kumpulan Peladang Nita serta Kumpulan Peladang Siswazah diperingkat unit peladang. Matlamat program ini juga adalah untuk memperkukuh dan mempergiatkan aktiviti ekonomi dan sosial bagi 200 unit peladang terpilih dengan melibatkan 10,000 orang ahli peladang.

Pada tahun 2010, sebanyak RM3.0 juta telah diperuntukkan dan sebanyak RM3.0 juta telah dibelanjakan dengan peratus pencapaian sebanyak 100%.



# Program

## Kejenteraan Ladang

### Khidmat Mekanisasi Ladang

Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Bahagian Jentera Pertubuhan Peladang Negeri (PPN Jentera) telah dipertanggungjawab oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bagi menyediakan Khidmat Mekanisasi Ladang kepada para peladang. Perkhidmatan ini sebenarnya adalah untuk menampung dan membantu para peladang selain daripada perkhidmatan mekanisasi yang diberikan oleh pemilik-pemilik jentera pertanian swasta dan petani sendiri. Perkhidmatan oleh pihak swasta ini lebih memberi keutamaan kepada kawasan tanah sawah yang tidak atau kurang bermasalah; sementara LPP akan dapat menampung kawasan tanah sawah yang tidak dimasuki oleh pihak swasta. Penglibatan LPP juga dalam masa yang sama akan dapat mengawal kadar harga perkhidmatan yang dikenakan oleh swasta kepada petani.

Skop perkhidmatan yang disediakan oleh PPN Jentera merangkumi khidmat pembajakan tanah, perataan tanah sawah, pengapuran tanah, penuaian padi dan lain-lain serta khidmat pembaikan jentera dan peralatan pertanian milik petani dan swasta.

Sehingga tahun 2010 sebanyak 18 buah PPN Jentera telah diwujudkan termasuk 2 buah di Sabah. Prestasi operasi tahun 2010 menunjukkan seramai 63,421 orang petani telah mendapat perkhidmatan pembajakan yang melibatkan keluasan tanah seluas 33,000 hektar (keluasan bajakan sebenar 66,259 hektar) iaitu sebanyak 50%. Bagi khidmat penuaian padi pula seramai 49,338 orang petani telah mendapat perkhidmatan dengan keluasan tanaman padi seluas 37,249 hektar.

Dalam tahun 2010 ini juga sebanyak 24 buah jentera penanam padi (Jentanam) telah di bekal kepada beberapa buah PPK yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran benih padi sah.



### Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang

Skim Pemilikan Jentera Dan Peralatan Kecil Peladang yang diperkenalkan oleh LPP adalah satu usaha untuk menggalak dan meningkatkan pemilikan jentera dan peralatan kecil di kalangan peladang. Skim ini bertujuan untuk memenuhi hasrat kerajaan mentransformasi sektor agromakanan menjadi lebih moden, maju dan berdaya saing di samping mengurangkan kos pengeluaran para peladang.

Kaedah penyaluran bantuan adalah secara geran padanan (*matching grant*) dimana Lembaga Pertubuhan Peladang akan membekalkan jentera dan peralatan kecil yang diperlukan oleh peladang berkaitan dengan aktiviti pertanian yang diusahakan. Bantuan jentera dan peralatan kecil ini (bukan wang tunai) yang dipohon oleh peladang akan dibekalkan di mana sebahagian dari harga jentera/peralatan kecil akan dibiayai melalui peruntukan kerajaan manakala sebahagian lagi berupa sumbangan dari peladang sendiri seperti berikut :

### **Harga Jentera Kurang Dari RM10,000**

Pembiayaan Kerajaan 50% dan sumbangan peserta 50% dari harga jentera/peralatan kecil.

### **Harga Jentera Melebihi RM10,000**

Pembiayaan kerajaan maksimum RM5,000 (individu) atau RM20,000 (Kelompok-kumpulan 4 org ) dan baki adalah sumbangan dari kelompok berkenaan.

Keutamaan pembiayaan diberikan kepada peserta-peserta yang terlibat dalam projek kelompok anjuran PPK, Mini Estet, Ladang Kontrak, Projek Padi Ke Arah Hasil padi 10 metrik per hektar, ZPM, ZIA dan lain-lain.

Dalam tahun 2010, melalui Skim Pemilikan Jentera Dan Peralatan Kecil Peladang, LPP telah diperuntukkan sebanyak RM4,824,971 melalui Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN). Peruntukan tersebut telah diagihkan ke semua LPP Negeri dan telah memberi manfaat kepada 3,306 peserta melalui pembekalan 3,467 unit jentera.

Jentera/peralatan Kecil yang dibekalkan terdiri daripada pelbagai jenis seperti pembajak dua-roda, traktor empat-roda (terpakai), pelbagai jenis penyembur racun/baja, pam air, generator, mesin perinchih/chopper/shreader bagi makanan ternakan, mesin pemotong rumput, implemen/perkakasan traktor, *mini tiller* dan lain-lain jentera yang bersesuaian dengan projek pengeluaran (tanaman, ternakan dan ternakair) yang diusahakan oleh peladang.

### **Perkhidmatan Lepas Tuai**

Pengendalian lepas tuai melibatkan aktiviti dari peringkat pemetikan dan pengutipan hasil hingga

ke peringkat penggunaan. Ia merangkumi beberapa aspek penting seperti pemetikan, pengutipan, pengendalian dan pengangkutan diladang, penggredan, pembungkusan, pengawalan kualiti, penyimpanan, pemprosesan awal dan pengagihan. Oleh itu, pengendalian lepas tuai adalah aktiviti yang perlu diberi perhatian kerana pengendalian yang tidak cekap serta tidak teratur merupakan punca utama yang menyebabkan kerosakan dan kehilangan lepas tuai yang tinggi. Selain itu, ia juga menyebabkan pembaziran hasil kepada petani.

Sehingga 31 Disember 2010 terdapat 94 buah Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian diseluruh negara dan melibatkan 59 buah Pertubuhan Peladang Kawasan dengan nilai pembiayaan keseluruhan sebanyak RM 96.23 juta dan dapat mengendalikan 1.062 juta mt hasil pertanian yang bernilai RM 680.525 juta dengan melibatkan 72,806 orang peladang/ahli.

Berakhir 31 Disember 2010, terdapat empat jenis Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian iaitu pusat pengumpulan padi, pusat pengumpulan kelapa sawit, pusat pengumpulan buah-buahan dan sayur-sayuran serta pusat pengumpulan ternakan. Daripada 94 buah Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian, 59 buah adalah pusat pengumpulan kelapa sawit, 14 buah pusat pengumpulan padi, 16 buah pusat pengumpulan buah-buahan/sayuran dan 5 buah pusat pengumpulan ternakan.


Aktiviti kelapa sawit menyumbang kepada peratusan yang paling besar di dalam aktiviti lepas tuai di mana ia menyumbang sebanyak RM 554.11 juta daripada keseluruhan isipadu perniagaan. Ia kemudian diikuti dengan padi (RM81.17 juta), ternakan (RM 37.81 juta) dan buah-buahan/sayuran (RM7.43 juta). Secara keseluruhannya Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian telah menjana isipadu perniagaan bernilai RM 680.525 juta. Ringkasan prestasi pusat pengumpulan bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 21**.

Pecahan peratusan yang ditunjukkan seperti di **carta 7** menggambarkan kedudukan sebenar keseluruhan aktiviti lepas tuai membabitkan PPK seluruh Negara mengikut nilai isipadu perniagaan.

**Jadual 21 :** Ringkasan Prestasi Pusat Pengumpulan

Bil	Jenis Aktiviti Lepas Tuai	Bil Pusat Pengumpulan	Bil PP Terlibat	Impak		
				Bil Peladang (Orang)	Isipadu Pengendalian (M.Tan)	Nilai (RM)
1	Pusat Pengumpulan Kelapa Sawit	59	38	51,457	969,331	554,113,574
2	Pusat Pengumpulan Padi	14	10	19,918	82,947	81,167,553
3	Pusat Pengumpulan Buah/Sayuran	16	13	992	2,140	7,430,116
4	Pusat Pengumpulan Ternakan	5	4	439	6,885	37,814,163
<b>JUMLAH</b>		<b>94</b>	<b>65</b>	<b>72,806</b>	<b>1,061,303</b>	<b>680,525,407</b>

**Carta 7 :** Pecahan Peratusan Jenis Pusat Pengumpulan Mengikut Isipadu Perniagaan (Metrik Tan)



### Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah (SSPTF) Untuk Jentera Pertanian dan Pengangkutan PP

LPP menyediakan kemudahan SSPTF untuk PP memiliki jentera, kenderaan pengangkutan dan peralatan jentera yang diperlukan. Sehingga tahun 2010, sebanyak 106 buah kenderaan dan peralatan dibeli oleh PP melalui SSPTF dengan nilai pembiayaan sebanyak RM10.13 juta.

Bagi tahun 2010, sebanyak RM1.82 juta telah disalurkan kepada 13 buah PPK untuk membiayai

11 buah jentera, 2 Pusat Pengumpulan Padi / Pusat Pengumpulan Sawit mereka.

### Pembangunan Industri Asas Tani (IAT)

Program Industri Asas Tani (IAT), dilaksanakan melalui projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada ahli PP dan Program Satu Unit Peladang Satu Industri (SUPSI) kepada kelompok dan pengusaha IKS. Tujuan projek adalah untuk melibatkan PP dan pengusaha dalam aktiviti menambah nilai produk IKS seperti menggunakan teknologi terbaik, penjenamaan, peningkatan kualiti, pembungkusan, pengeluaran



teratur, mempunyai ciri-ciri perbezaan (*product differentiation*) serta pengiklanan dan promosi yang agresif. Produk-produk yang ditambah nilai mampu mendapatkan jaminan pasaran, harga yang berpatutan dan pulangan pendapatan yang lebih baik kepada pengusaha.

Sehingga tahun 2010, sebanyak 35 projek IKS Pertubuhan Peladang telah berjaya diwujudkan melibatkan penghasilan beras, pemprosesan hasil produk pertanian berasaskan tanaman, ternakan dan perikanan disamping pembuatan minuman dan lain-lain produk makanan dengan nilai pengeluaran

berjumlah RM 355.41 juta. Jenis dan klasifikasi aktiviti IKS di bawah PP bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 22**.

### Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional

Di bawah RMKe-9, LPP mensasarkan pembangunan 750 orang usahawan IAT meliputi subsektor tanaman, ternakan, akuakultur dan produk berasaskan beras sebagai projek Berimpak Tinggi yang diselaraskan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Sehingga tahun 2010, LPP telah berjaya membangunkan seramai 784 orang usahawan IAT seperti di **Jadual 23**.



**Jadual 22** : Jenis dan Klasifikasi Aktiviti IKS di Bawah PP Tahun 2010

BIL	KATEGORI	AKTIVITI PKS	BIL PP	BIL PROJEK	BIL PEKERJA	NILAI PENGELUARAN (RM)	PERATUS (%)
1		Kilang Sawit	1	2	147	254,510,210	71.61
2		Proses Ayam	6	6	208	54,386,085	15.30
3		Kilang Padi/ Beras	3	3	52	9,815,099	2.76
4		Loji Benih Padi	1	1	14	19,742,998	5.55
5	PRODUK MAKANAN	Kek Pastrri/ Roti	1	1	7	57,747	0.01
6		Makanan Ringan	4	4	42	660,535	0.18
7		Kordial/Air Mineral	1	1	1	65,482	0.01
8		Kopi	1	1	4	106,434	0.02
9		Pusat Pembungkusan IKS	2	2	7	1,064,860	0.29
10		Proses Cili Puri	1	1	3	37,122	0.01
11		Vacuum Fried	2	2	10	92,088	0.02
12		Kilang Baja	1	1	3	6,400	0.0018
13		Awet Tembakau	1	1	20	748,125	0.2105
14	PRODUK BUKAN MAKANAN	Silaj	4	4	5	14,910	0.0042
15		DOC	1	1	40	13,866,209	3.9014
16		Serai Wangi	3	3	12	160,000	0.04
17		Proses Makanan Ikan	1	1	2	83,255	0.02
<b>JUMLAH</b>			<b>31</b>	<b>35</b>	<b>577</b>	<b>355,417,564</b>	<b>100%</b>

**Jadual 23** : Bilangan Usahawan IAT (Projek Berimpak Tinggi) sehingga Tahun 2010

BIL	NEGERI	TAHUN						JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	
1	Perlis	18	11	7	0	6	0	42
2	Kedah	15	19	9	5	8	0	56
3	Pulau Pinang	40	3	5	5	6	0	59
4	Perak	11	12	5	2	10	28	68
5	Selangor	26	20	24	6	13	1	91
6	Melaka	24	8	5	3	9	34	85
7	Negeri Sembilan	6	14	7	2	6	0	35
8	Pahang	23	24	7	5	9	58	127
9	Johor	9	16	5	2	13	53	98
10	Kelantan	18	8	11	0	8	0	45
11	Terengganu	15	13	10	2	10	1	51
12	Sabah	5	0	0	0	9	0	14
13	W.P Labuan	4	2	5	1	5	0	17
<b>JUMLAH</b>		<b>214</b>	<b>150</b>	<b>100</b>	<b>33</b>	<b>112</b>	<b>175</b>	<b>784</b>

# Program

## Kemudahan Pemasaran

### Galakan Pasaran

Dalam tahun 2010, sejumlah RM2,902,500 telah diluluskan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti pemasaran dan promosi untuk PP dan ahli peladang.

Aktiviti-aktiviti utama galakan pasaran mengikut komponen-komponen projek adalah seperti berikut:

#### **Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian (One Stop Centre) PP**

Tiga buah pusat pemasaran hasil-hasil pertanian telah diwujudkan di PPK Hulu Langat Utara, PPK Kuantan Utara dan PPN Johor yang dikenali dengan nama *Peladang Fresh Mart*. Pusat jualan ini merupakan satu strategi jangka panjang bagi membolehkan para ahli peladang/PP memasarkan hasil pertanian secara terus kepada pengguna.

#### **Promosi dan Penggalakan Pasaran**

Salah satu program utama aktiviti promosi di dalam negara adalah *MAHA International* dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. LPP telah menaja penyertaan 19 peserta terdiri dari PP/Usahawan yang telah menghasilkan nilai jualan sejumlah RM113,505.

Promosi dan penggalakan pasaran luar negara bagi tahun 2010 dilaksanakan melalui Program Tong-Tong Festival, Belanda dan Program Promosi Produk ke Den Hague, Belanda yang mempromosikan produk industri asas tani seperti cip buah-buahan, produk Mr Famos, sos dan jus halia serta gula melaka.

Portal pemasaran *e-peladang* telah dibangunkan oleh LPP bagi tujuan mempromosikan produk-produk hasil pertanian PP/ahli melalui internet.

#### **Pemasaran Bersepadu Komoditi Terpilih**

Aktiviti ini melibatkan sokongan dan pembiayaan bagi membolehkan PP peneraju pemasaran komoditi

terpilih merancang dan mengadakan kerjasama dengan pihak swasta bagi membolehkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh PP/ahli dapat menembusi pasaran di dalam dan luar negara. PPN Johor telah dipilih sebagai peneraju pemasaran produk industri asas tani dan PPN Pahang menerajui pemasaran nangka/ buah-buahan.

### Kumpulanwang Pinjaman Pertubuhan Peladang (K3P)

Perkhidmatan Kumpulanwang Pinjaman Pertubuhan Peladang (K3P) diwujudkan untuk membiayai projek – projek pembangunan PP yang berdaya maju tetapi tidak memenuhi syarat kelayakkan mendapatkan pinjaman daripada bank komersil. Pinjaman K3P menyediakan kemudahan pinjaman mudah jangka pendek dan sederhana yang tidak memerlukan cagaran. Antara projek dan aktiviti ekonomi PP yang boleh dibiayai melalui pinjaman K3P adalah pemasaran padi, mini estet padi, pemasaran kelapa sawit, perniagaan input pertanian dan projek pertanian lain yang boleh memberi manfaat kepada ahli PP.

Dalam tahun 2010, LPP telah meluluskan pinjaman berjumlah RM 16.89 juta bagi membiayai 43 buah projek. Pembiayaan K3P mengikut kategori tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 24**.

Dari segi prestasi kutipan bayaran balik berakhir 31 Disember 2010 sebanyak RM16,256,817.46 telah dapat dikutip daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada Pertubuhan Peladang.

### Penyelarasan Bantuan Kepada Industri Padi

Program bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras meliputi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (Bantuan Input Pertanian dan Pembajakan) dan Insentif Peningkatan Pengeluaran Beras Negara.



**Jadual 24 : Pembiayaan K3P Mengikut Kategori Projek Tahun 2010**

Bil.	Kategori/ Projek	Bil. Projek	Jumlah Diluluskan (RM)
1.	Pengeluaran Hasil Pertanian		
	Mini Estet Padi	31	7,640,000.00
	Ternakan	1	50,000.00
	<b>Jumlah Kecil</b>	<b>32</b>	<b>7,690,000.00</b>
2.	Pemasaran	8	5,400,000.00
3.	Perniagaan	2	3,300,000.00
4.	Lain - lain	1	500,000.00
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>43</b>	<b>16,890,000.00</b>

Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1979. Ia melibatkan bantuan baja padi percuma kepada peladang individu yang mengerjakan sawah (samada sebagai penyewa atau pemilik), PPK, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang mengusaha dan menyelarasakan pelaksanaan projek estet dan mini estet serta projek-perojek kelompok dengan keluasan sawah maksimum 25 ekar (10 hektar) pada kadar bantuan 12 beg baja sebatian dan 4 beg baja urea sehektar. Pada masa ini, bilangan petani yang berdaftar penerima bantuan adalah 267,544 orang dengan keluasan sawah diusahakan 719,459.37 hektar serta melibatkan 196 PPK di seluruh Negara.

Matlamat pemberian bantuan baja padi adalah untuk menghasilkan pengeluaran padi bagi menampung sara diri (*self-sufficiency*) menjelang tahun 2020. Insentif Pengeluaran Padi pula diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh pesawah akibat daripada kos diesel dan kos membajak. Bantuan insentif terdiri daripada bantuan upah membajak pada kadar RM100 sehektar semusim dan bantuan input pertanian maksimum RM140 sehektar semusim. Bantuan Input Pertanian diberi kepada pengusaha tanaman padi dalam bentuk baja organik dan baja foliar.

Sejumlah 196 buah PPK telah dilantik sebagai stokis dan sub-stokis untuk mengurus dan mengedar baja padi. Bekalan input pertanian di bawah bantuan insentif disalurkan kepada pesawah melalui PPK

atau stokis yang berdaftar. Manakala bagi insentif pembajakan, pesawah perlu mendapatkan khidmat pembajakan dari pemilik jentera yang berdaftar dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak. Dalam tahun 2010, MoA telah memperuntukan RM113.08 juta melibatkan perbelanjaan RM30.07 juta untuk insentif pembajakan kepada pesawah dan RM83.01 juta untuk Insentif Pengeluaran Padi (IPP).

Kerajaan memperkenalkan Insentif Peningkatan Beras Negara mulai Jun 2008 di bawah sub-projek pembekalan baja NPK tambahan, racun kawalan makhluk perosak dan rumpai serta kapur. Di bawah sub-projek pembekalan baja NPK tambahan kadar disyor ialah 150 kg sehektar dengan anggaran kos RM405 sehektar. Bagi kawalan makhluk perosak asas perkiraan diberi dalam bentuk kupon sebanyak maksimum RM200 sehektar. Bagi meningkatkan kesuburan tanah sawah, kapur diberikan pada kadar 3 mt sehektar bagi tempoh tiga (3) tahun dianggarkan bernilai RM970 (termasuk RM250 kos upah mengapur). Dalam tahun 2010, nilai baja NPK yang diedarkan berjumlah RM306.6 juta, racun RM147.3 juta dan kapur RM46.0 juta yang melibatkan 221,624 orang pesawah dengan keluasan 664,874.36 hektar.

### Program Input Pertanian Bersepadu (PIB) Pertubuhan Peladang

Aktiviti pembekalan input pertanian merupakan salah satu aktiviti teras PP sejak dari mula ia ditubuhkan sejajar dengan peruntukan 6(1)(c) Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973. Program Input Pertanian

Bersepadu (PIB) PP telah diwujudkan pada tahun 2004 oleh LPP dengan konsep pelaksanaan di bawah satu entiti (3 peringkat) dan berpusat di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan matlamat untuk memastikan ahli (PPN, PPK dan ahli peladang) mendapat bekalan input pertanian yang berkualiti dan pada kadar harga yang kompetitif, menyatukan dan memperkukuhkan program perkhidmatan pembekalan input pertanian semua peringkat PP secara bersepadu di bawah satu entiti yang mampu menguasai syer pasaran dan berkuasa tawar-menawar. Dengan matlamat tersebut, peranan PP dapat digemblengkan dengan sepenuhnya untuk kebaikan para peladang.

Dalam tahun 2010, isipadu perniagaan Program PIB telah mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM 52,753,446.68 yang melibatkan 13 buah negeri seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25 :** Laporan Kemajuan Program Input Pertanian Bersepadu PP tahun 2010

Bil	Negeri	Jualan (RM)
1.	Perlis	1,389,217.22
2.	Kedah	3,227,026.95
3.	Pulau Pinang	2,905,119.29
4.	Perak	6,542,391.14
5.	Selangor	408,749.83
6.	Negeri Sembilan	2,055,140.72
7.	Melaka	167,371.00
8.	Johor	11,284,696.86
9.	Pahang	8,821,173.00
10.	Terengganu	12,663,210.81
11.	Kelantan	3,142,792.86
12.	Sabah	13,174.00
<b>Jumlah</b>		<b>52,753,446.68</b>



# Program

## Kemudahan Asas Institusi

### Pembangunan Pejabat LPP/ PPK

Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat LPP yang dimulakan pada tahun 2008 dan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) sepenuhnya. Ia dijangka siap pada akhir tahun 2011 dan semua warga kerja LPP akan berpindah ke bangunan baru pada penghujung tahun berkenaan.

### Penyelenggaraan Bangunan Pejabat PPK

Peruntukan tahun 2010 untuk penyelenggaraan bangunan pejabat PPK adalah terhad iaitu berjumlah RM 252,200 dan hanya 10 buah bangunan pejabat PPK yang berjaya diselenggara. Tumpuan diberikan kepada kerosakan yang kritikal seperti pembaikan sistem pembentungan dan sistem pendawaian yang lama.

### Peningkatan Kemudahan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)

Dalam tahun 2010, LPP telah membelanjakan sejumlah RM1.2 juta bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan LPP dapat dilaksanakan secara cekap dan berterusan. Di antara aktiviti yang telah dijalankan meliputi penyelenggaraan sistem rangkaian komputer, penyelenggaraan sistem-sistem maklumat yang dilaksanakan di LPP dan PPK serta penyelenggaraan perkakasan ICT. Disamping itu juga LPP telah membantu 40 buah PPK terpilih membangunkan laman web PPK berkenaan. Inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan penyebaran maklumat PP kepada kumpulan sasar dapat diteruskan oleh 168 buah PPK yang lainnya. Dalam tahun 2010 juga, Bahagian Pengurusan Maklumat telah berjaya membangunkan sistem permohonan keahlian PPK secara online dan Sistem Pengurusan Berkomputer K3P.

### Sistem e-Ahli Online

Sistem e-Ahli Online dibangunkan bertujuan menyediakan perkhidmatan permohonan menjadi ahli peladang PPK secara online. Objektif utama sistem ini dibangunkan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui perkhidmatan serahan elektronik. Sistem ini dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan perisian sumber terbuka dengan pangkalan data MySQL dan PHP sebagai antaramuka sistem. Sistem e-Ahli online ini hanya membolehkan pengguna menyerahkan borang permohonan menjadi ahli sahaja manakala proses kelulusan permohonan masih tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan yang berkenaan.

### Sistem Pengurusan Berkomputer K3P

Selain daripada Sistem e-Ahli, Bahagian Pengurusan Maklumat LPP juga telah berjaya membangunkan Sistem Pengurusan Berkomputer K3P. Sistem ini dibangunkan bertujuan bagi memudahkan Bahagian Perniagaantani dan Bahagian Kewangan memantau permohonan dan pembayaran pinjaman yang telah diluluskan ke PPK. Sistem ini akan merekodkan permohonan dan kelulusan peruntukan yang telah diluluskan ke PPK serta merekodkan transaksi pembayaran yang telah dibuat oleh PPK. Sistem ini dibangunkan berasaskan web dengan menggunakan perisian *Dreamweaver*, *ColdFusion* dan pangkalan data *MS Access*. Sistem K3P mengandungi empat (4) modul iaitu Modul Permohonan, Modul Lejer, Modul Laporan dan Modul Penyelenggaraan. Sistem ini telah dilaksanakan sepenuhnya mulai Jun 2010.

# Program

## Peningkatan Pendapatan Golongan Sasar (PPPGS) - Program Pembasmian Kemiskinan di Bawah KPI Menteri

Selaras dengan matlamat Program Transformasi Kerajaan untuk meningkatkan ketahanan dan daya saing Malaysia, Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menetapkan salah satu daripada Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator / (KPI)*) beliau bagi tahun 2010 untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran di dalam sektor pertanian dan industri asas tani dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

Objektif program ini ialah membantu golongan sasaran meningkatkan pendapatan dalam bidang tanaman, ternakan, perikanan, perniagaan hasil

pertanian, penghasilan produk industri asas tani dan perkhidmatan pertanian. Program ini juga dilaksanakan untuk memberi sokongan kepada matlamat kerajaan mencapai miskin tegar sifar dan mengurangkan tahap kemiskinan daripada 3.6% kepada 2.8% pada penghujung tahun 2010.

Pada tahun 2010, LPP telah dipertanggungjawabkan untuk membantu seramai 500 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan melibatkan 10 buah Parlimen di 3 buah Negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Sabah. Sejumlah RM 6.79 juta telah diperuntukan untuk program ini. Butiran adalah seperti di **Jadual 26** dan **Jadual 27**.

**Jadual 26** : Senarai Kelulusan Peruntukan Projek Pembasmian Kemiskinan di Bawah KPI Menteri Tahun 2010

Parlimen	Ekonomi		Latihan (RM)	Sara Hidup (RM)	Operasi (RM)	Jumlah Peruntukan (RM)
	Korporat (RM)	Kelompok (RM)				
Padang Terap	1,310,000	-	47,650	-	50,000	1,407,650
Pasir Puteh	-	1,340,000	100,000	30,000	50,000	1,520,000
Kudat	157,200	908,300	42,400	20,400	40,000	1,168,300
Kinabatangan	299,000	235,800	-	5,400	20,000	560,200
Beluran	-	328,500	15,740	7,500	12,500	364,240
Kalabakan	-	200,500	-	4,500	7,500	212,500
Putatan	-	262,000	-	6,000	10,000	278,000
Libaran	-	470,500	20,895	6,000	21,500	518,895
Kota Belud	-	378,000	21,000	-	21,000	420,000
Tuaran	-	315,000	17,500	-	17,500	350,000
<b>JUMLAH</b>	<b>1,766,200</b>	<b>4,438,600</b>	<b>265,185</b>	<b>79,800</b>	<b>250,000</b>	<b>6,799,785</b>

**Jadual 27 : Bilangan Peserta Mengikut Klasifikasi Projek**

Bil	Parlimen	Tanaman	Ternakan	Akuakultur	IAT	Perniagaan	Jumlah
1.	Pasir Puteh	24	58	0	2	16	100
2.	Padang Terap	100	0	0	0	0	100
3.	Kudat	0	80	0	0	0	80
4.	Kinabatangan	8	2	2	2	26	40
5.	Beluran	19	4	0	2	0	25
6.	Kalabakan	0	8	3	1	3	15
7.	Libaran	10	4	13	16	0	43
8.	Putatan	13	0	3	0	4	20
9.	Kota Belud	4	14	16	3	5	42
10.	Tuaran	0	24	11	0	0	35
<b>JUMLAH</b>		<b>178</b>	<b>194</b>	<b>48</b>	<b>26</b>	<b>54</b>	<b>500</b>



# Program Azam Tani

Program Azam Tani merupakan Program Meningkatkan Pendapatan Golongan Berpendapatan Rendah iaitu di kalangan peserta Miskin Tegar dan Miskin di bawah senarai e-Kasih yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM). Program tersebut adalah NKRA KPWKM dalam inisiatif mengeluarkan Miskin Tegar dan Miskin keluar dari Paras Garis Kemiskinan (PGK) bagi tahun 2010 dan 2011. Sejumlah RM 40 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) pada tahun 2010 dan tambahan RM 40 juta lagi pada tahun 2011. Siling yang diperuntukkan kepada setiap peserta Azam Tani adalah sebanyak RM10,000 termasuk 5% kos memberikan latihan kepada peserta projek.

LPP telah diberi tanggungjawab sebagai Agensi Pelaksana (*Lead Agency*) bagi melaksanakan program ini di negeri Kedah dan Kelantan. LPP juga menjadi Agensi Pembayar bagi negeri Perlis, Kedah, Pahang dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sebagai Agensi Pelaksana, LPP Negeri Kedah telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan 500 buah projek melibatkan 500 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta, manakala LPP

Negeri Kelantan melaksanakan 600 buah projek melibatkan 600 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM 6 juta.

Skop projek yang dilaksanakan di bawah program Azam Tani adalah projek-projek "*Quick Win*" atau projek-projek yang mendapat pulangan cepat seperti tanaman jangka pendek (cili, tembikai), nurseri (benih tanaman, bunga), tanaman kepala sawit yang diuruskan secara korporat atau kelompok oleh PP, ternakan (ayam kampung, puyuh), ternakan burung walit secara kelompok, ternakair (keli, talapia), pemprosesan makanan (PKS), perniagaan tetap atau bergerak (kiosk kebab, jualan hasil pertanian), jentera kecil pertanian (mesin pemotong rumput, mesin penyembur), motor roda tiga dan mesin jahit dengan syarat diberi bersekali dengan projek ekonomi yang lain.

Projek Azam Tani dijangka dapat membantu peserta Miskin Tegar dan Miskin keluar dari Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan membolehkan golongan tersebut meningkatkan pendapatan sekurang-sekurangnya RM200 sebulan dan menikmati hidup yang lebih selesa pada masa depan. Sila rujuk **Jadual 28** dan **Jadual 29**.

**Jadual 28 :** Agihan Peruntukan Bagi Program Azam Tani

Bil	Negeri	Agensi Pembayar	Agensi Pelaksana	Agihan Fasa 1 (RM)	Agihan Fasa 2 (RM)	Agihan Fasa 3 (RM)	Jumlah Peruntukan (RM)	Bil Sasaran Peserta
1.	Kedah	LPP	LPP	1,820,000	1,040,000	2,000,000	<b>4,860,000</b>	500
2.	Kelantan	KADA	LPP	-	6,000,000	-	<b>6,000,000</b>	600

**Jadual 29 :** Status Peserta Azam Tani bagi Tahun 2010

Bil	Negeri	Bil.Sasaran Peserta	Bil. Peserta Lulus			Status Pelaksanaan
			Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	
1.	Kedah	500 orang	61 orang sedang menjalankan projek	316 orang telah dikenalpasti	123 orang sedang dalam proses kenalpasti	Seramai 27 orang untuk fasa 2 telah diluluskan menjalankan projek
2.	Kelantan	600 orang	115 orang sedang menjalankan projek	204 orang telah dikenalpasti	123 orang sedang dalam proses kenalpasti	Seramai 110 orang peserta Azam Tani Fasa 2 yang menjalankan projek secara kelompok.

